



JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

MANUAL

PELAKSANAAN
**PERINTAH KHIDMAT
MASYARAKAT**

M A N U A L

PELAKSANAAN
PERINTAH KHIDMAT
MASYARAKAT

Diterbitkan November 2023

©Jabatan Kebajikan Masyarakat. Semua hak cipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, dicetak semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau sebaliknya, tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat atau hubungi:

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
ARAS 6,9-18, NO. 55,
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA
TEL: 03-8323 1656 / 03-8323 1658
FAKS: 03-8323 2094

Jabatan Kebajikan Masyarakat mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penghasilan buku ini serta mereka yang bersetuju membenarkan kami menggunakan koleksi gambar.

Dicetak dan direka bentuk oleh:
ATTIN PRESS SDN. BHD.
No. 8, Jalan Perindustrian PP4,
Taman Perindustrian Putra Permai,
Bandar Putra Permai,
43300 Seri Kembangan, Selangor.

KANDUNGAN

Muka Surat	Isi Kandungan
vi	SINGKATAN AKRONIM
vii	PRAKATA
1-2	1. PENGENALAN <ul style="list-style-type: none">■ Tujuan■ Latar Belakang
2-5	2. PUNCA KUASA PELAKSANAAN PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT <ul style="list-style-type: none">■ Punca Kuasa Perundangan■ Kategori Pelatih Perintah Khidmat Masyarakat
6-8	3. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI/ KAKITANGAN/ INDIVIDU YANG TERLIBAT DALAM PELAKSANAAN PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT <ul style="list-style-type: none">■ Pegawai/Kakitangan/Individu dalam Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat■ Peranan dan Tanggungjawab dalam Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat
9-26	4. PELAKSANAAN PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT <ul style="list-style-type: none">■ Elemen Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat■ Teras Aktiviti dan Program dalam Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat■ Pengurusan Kes Kerja Sosial dalam Perintah Khidmat Masyarakat■ Program dan Aktiviti dalam Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat■ Penolakan Jam Agregat dalam Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat■ Tatacara Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat
27	5. PENUTUP

SINGKATAN AKRONIM

JKM	-	Jabatan Kebajikan Masyarakat
PKM	-	Perintah Khidmat Masyarakat
PKMN	-	Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri
PKMD	-	Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah/ Jajahan/ Bahagian/Cawangan
JKMN	-	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri
PejKMD	-	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/ Jajahan/ Bahagian/Cawangan
PPsi	-	Pegawai Psikologi/Kaunselor

PRAKATA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Kebajikan

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT dengan izin dan limpah kurnia-Nya **Manual Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat** ini berjaya diterbitkan dengan jayanya.

Perintah Khidmat Masyarakat merupakan satu hukuman alternatif menggantikan hukuman pemenjaraan yang berperanan mengembalikan kefungsian sosial Pelatih Perintah Khidmat Masyarakat melalui pemulihan dalam komuniti. Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat mengurangkan kadar *residivisme* dapat memberikan peluang kedua kepada Pelatih Perintah Khidmat Masyarakat serta mengembalikan mereka kepada masyarakat sebagai warga yang produktif dan memberi sumbangan kepada masyarakat.

Penerbitan manual ini adalah salah satu usaha dalam meningkatkan keberkesanan pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat. Penerangan yang ringkas, jelas dan padat berkaitan tujuan, punca kuasa, peranan dan tanggungjawab serta tatacara pelaksana Perintah Khidmat Masyarakat digarap dengan teliti dan tersusun bagi memudahkan pemahaman berkenaan pelaksanaan PKM.

Saya yakin manual ini dapat memberi manfaaat kepada semua Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat khususnya kepada pegawai, kakitangan dan pihak yang terlibat dalam pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat di lapangan. Di kesempatan ini, saya menyeru agar semua pegawai dan kakitangan jabatan untuk terus komited dan proaktif dalam mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan demi kumpulan sasar jabatan.

Sekian, terima kasih

NORAZMAN BIN OTHMAN
Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat



TUJUAN

Manual Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat ini disediakan sebagai panduan dan rujukan kepada pegawai dan kakitangan bagi memastikan pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan sistematik. Manual ini perlu dirujuk dan dibaca bersama Prosedur Operasi Standard Perintah Khidmat Masyarakat Pesalah Muda, Pesalah Dewasa dan Kanak-kanak yang telah dikuatkuasakan.

LATAR BELAKANG

Idea bagi pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) bermula apabila Dewan Rakyat telah membangkitkan isu peningkatan kes jenayah, pertambahan banduan muda di penjara dan kesesakan di penjara. Susulan itu, satu Jawatankuasa Khas Pilihan Parlimen (*Select Committee*) telah ditubuhkan pada 20 Julai 2004 yang dipengerusikan oleh YB Dato' Seri Mohd Radzi Sheikh Ahmad, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah mencadangkan pindaan terhadap Kanun Tatacara Jenayah dengan memasukkan peruntukan mengenainya pelaksanaan PKM.

Pada 18 Julai 2006, pindaan seksyen 293(1)(e) Kanun Tatacara Jenayah [Akta A1274], diluluskan oleh parlimen dengan peruntukan remedii PKM kepada pesalah yang berusia 18 hingga bawah 21 tahun (pesalah muda) dan telah dikuatkuasakan mulai 7 September 2007. Pindaan seksyen 293(1)(e) menjadi punca kuasa kepada penubuhan Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat pada 1 Februari 2007 dan pelaksanaan PKM bagi Pesalah Muda bermula pada 1 Januari 2008.

Pada tahun 2016, melalui pindaan Akta Kanak-kanak 2001 [Akta 611], PKM telah dikuatkuasakan kepada kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah dibawah seksyen 91(1)(da) dan pesalah berhubung kesihatan dan kebajikan

kanak-kanak di bawah seksyen 31, 32 dan 33 Akta 611. Pelaksanaan PKM bagi kanak-kanak dan pesalah di bawah seksyen 31, 32 dan 33 Akta 611 bermula pada 1 Januari 2017.

PKM merupakan satu hukuman alternatif kepada pemenjaraan, bertujuan memberi pemulihan, mencegah pesalah daripada mengulangi kesalahan jenayah (*residivisme*) pada masa hadapan, mengintegrasikan golongan sasar kepada masyarakat dan sekali gus memberi manfaat kepada masyarakat melalui tiga elemen utama pelaksanaan iaitu hukuman, pemulihan dan penginsafan.

2. PUNCA KUASA PELAKSANAAN PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT

PUNCA KUASA PERUNDANGAN

Punca kuasa perundangan bagi pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) adalah di bawah dua akta iaitu Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] dan Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611] seperti mana berikut:

Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593]

Melalui pindaan pada tahun 2006 [Akta A1274]

Subperenggan 293 (1) (e) (i)(ii)(iii)

PKM kepada Pesalah Muda yang berumur 18 hingga bawah 21 tahun.

Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611]

Melalui pindaan pada tahun 2016 [Akta A1511]

Seksyen 31, 32 dan 33.

PKM kepada pesalah berkaitan penganiayaan, pengabaian, pembuangan atau pendedahan kanak-kanak, pengemisan dan tanpa pengawasan oleh penjaga/ibu bapa/orang yang kanak-kanak di bawah pemeliharaannya

Melalui pindaan pada tahun 2016 [Akta A1511]

Seksyen 91(1) dan 97A.

PKM kepada kanak-kanak yang berumur 10 hingga bawah 18 tahun.

Perincian berkaitan seksyen berkaitan di bawah Kanun Tatacara Jenayah adalah sepetimana berikut:

Seksyen 2	Subperenggan 293 (1)(e)(i)	Subperenggan 293 (1)(e)(ii)	Subperenggan 293 (1)(e)(iii)
Tafsiran Pesalah Muda Berumur 18 tahun ke atas dan di bawah umur 21 tahun.	Pesalah Muda boleh diperintahkan untuk melaksanakan khidmat masyarakat tidak melebihi jam agregat 240 jam pada masa dan tempat yang ditentukan oleh mahkamah tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh mahkamah;	'khidmat masyarakat' ertiya apa-apa kerja, perkhidmatan atau arahan untuk kebaikan masyarakat secara am dan termasuk apa-apa kerja yang melibatkan bayaran kepada penjara atau pihak berkuasa tempatan; dan	Khidmat Masyarakat hendaklah di bawah Menteri yang dipertanggung-jawabkan dengan wanita, keluarga dan masyarakat.

Perincian berkaitan seksyen di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 adalah seperitimana berikut:

Seksyen 31	Penganiayaan, pengabaian, pembuangan atau pendedahan kanak-kanak.	Merupakan suatu hukuman tambahan mandatori ke atas mana-mana orang yang mempunyai pemeliharaan, jagaan dan kawalan ke atas kanak-kanak	
Seksyen 32	Kanak-kanak tidak boleh digunakan untuk mengemis dan sebagainya.		
Seksyen 33	Kesalahan kerana membiarkan kanak-kanak tinggal tanpa pengawasan yang berpatutan.		
<ul style="list-style-type: none"> ■ PKM tidak boleh kurang daripada 36 jam dan tidak lebih 240 jam agregat; ■ hendaklah dilaksanakan dalam tempoh tidak melebihi 6 bulan dari tarikh perintah itu; dan ■ tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan oleh mahkamah. 			
Seksyen 91(1) (da)		Seksyen 97A	
Seksyen 91(1) Kuasa Mahkamah Bagi Kanak-Kanak apabila kesalahan dibuktikan (da) membuat Perintah Khidmat Masyarakat.	Seksyen 91(1) Akta ibu dipinda dengan memasukkan (da) dan memotong perenggan (g) - memerintah supaya kanak-kanak jika seorang lelaki disebat sepuluh kali sebatan dengan rotan yang ringan.	Perintah Khidmat Masyarakat kepada kanak-kanak	<p>Tidak melebihi 120 jam agregat selama tempoh tidak lebih 6 bulan.</p> <p>10 hingga bawah 18 tahun.</p> <ul style="list-style-type: none"> ■ umur bagi tanggungjawab jenayah sebagaimana yang ditetapkan dalam seksyen 82 Kanun Keseksaan [Akta 574].

Dalam pelaksanaan PKM sekiranya berlakunya pelanggaran, tindakan adalah berdasarkan punca kuasa perundangan berkaitan pelanggaran, seperti mana berikut:

Akta	Tindakan bagi Pelanggaran PKM
Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] <ul style="list-style-type: none"> ■ PKM kepada Pesalah Muda. 	Pelatih akan dirujuk semula ke mahkamah dan hukuman akan diberikan mengikut peruntukan sedia ada atas pertimbangan mahkamah.
Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611] <ul style="list-style-type: none"> ■ PKM kepada pesalah di bawah seksyen 31,32 dan 33. 	Seksyen 31(3B) / Seksyen 32(4)/ Seksyen 33(4): Boleh disabitkan dengan hukuman denda tidak melebihi RM10,000.
Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611] <ul style="list-style-type: none"> ■ PKM kepada kanak-kanak yang disabit terlibat jenayah. 	Seksyen 97B (5)(a) Boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM5,000

KATEGORI PELATIH PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT

Pesalah atau kanak-kanak yang dijatuhi Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) oleh mahkamah di bawah Kanun Tatacara Jenayah atau Akta Kanak-kanak 2001 dikenali sebagai Pelatih PKM. Kategori Pelatih PKM dibuat berdasarkan punca kuasa perundangan adalah seperti mana berikut:

Kategori Pelatih PKM	Punca Kuasa Perundangan
Pesalah Muda	Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] (Berumur 18 tahun hingga bawah 21 tahun)
Pesalah Dewasa	Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611] Seksyen 31, 32 dan 33
Kanak-Kanak	Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611] Seksyen 91(1)(da) (Berumur 10 hingga bawah 18 tahun)



3.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI/KAKITANGAN/ INDIVIDU YANG TERLIBAT DALAM PELAKSANAAN PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT

PEGAWAI/KAKITANGAN/INDIVIDU DALAM PELAKSANAAN PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT

Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) di peringkat negeri dan daerah dipertanggungjawabkan kepada pegawai dan kakitangan Bahagian PKM, Pegawai Psikologi JKM serta individu yang bertanggungjawab di tempat pelaksanaan dengan panggilan jawatan dan didefinisikan sepetimana berikut:

PEGAWAI/KAKITANGAN/ INDIVIDU	DEFINISI
Penyelaras PKM Negeri	Seorang Pegawai Kebajikan Masyarakat yang mengetuai Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat di peringkat negeri dan termasuklah seorang Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat.
Ketua Unit PKM Negeri	Seorang Pegawai Kebajikan Masyarakat yang membantu Penyelaras PKM Negeri dan termasuklah seorang Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat.
Pegawai PKM	Seorang Pegawai Kebajikan Masyarakat yang mengetuai Unit Perintah Khidmat Masyarakat di peringkat daerah/negeri dan termasuklah seorang Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat.
Penyelia Lapangan	Seorang Pembantu Kebajikan Masyarakat yang membantu Pegawai PKM dalam pengurusan kes pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat.

PEGAWAI/KAKITANGAN/ INDIVIDU	DEFINISI
Penyelaras Penempatan	Mana-mana pegawai atau individu bertanggungjawab di institusi/tempat pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat termasuklah pegawai atau individu dari kalangan jabatan/agensi lain, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan lain-lain tempat pelaksanaan yang memberikan kerjasama dalam pelaksanaan PKM.
Pegawai Psikologi	Pegawai Psikologi yang bertugas di Jabatan Kebajikan Masyarakat termasuklah seorang Penolong Pegawai Psikologi.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB DALAM PELAKSANAAN PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT

Penetapan peranan dan tanggungjawab pegawai/kakitangan/individu dalam pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) adalah seperti mana berikut:

Penyelaras PKM Negeri	<ul style="list-style-type: none"> ■ Menyelaras dan memantau pelaksanaan dasar/prosedur operasi standard/modul/program/aktiviti PKM diperingkat PejKMD dan JKMN. ■ Melaksanakan tugas dan tanggungjawab mengikut ketetapan Prosedur Operasi Standard (SOP) PKM Pesalah Muda, Pesalah Dewasa dan Kanak-kanak yang telah dikuatkuasakan.
Ketua Unit PKM Negeri	<ul style="list-style-type: none"> ■ Membantu Penyelaras PKM Negeri dalam menyelaras dan memantau pelaksanaan dasar/SOP/modul/program/aktiviti PKM diperingkat negeri. ■ Membantu Penyelaras PKM Negeri dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mengikut ketetapan SOP PKM Pesalah Muda, Pesalah Dewasa dan Kanak-Kanak yang telah dikuatkuasakan. ■ Mengumpul statistik kes PKM di peringkat negeri.

Pegawai PKM	<ul style="list-style-type: none"> ■ Melaksanakan operasi kerja pelaksanaan PKM di peringkat daerah sepetimana ketetapan tugas dan tanggungjawab dalam SOP PKM Pesalah Muda, Pesalah Dewasa dan Kanak-Kanak. ■ Mengetuai dan melaksanakan tugas penganjuran program/ aktiviti dalam pelaksanaan PKM di peringkat PejKMD.
Penyelia Lapangan	<ul style="list-style-type: none"> ■ Melaksanakan tugas dan tanggungjawab mengikut ketetapan SOP PKM Pesalah Muda, Pesalah Dewasa dan Kanak-Kanak yang telah dikuatkuasakan.
Penyelaras Penempatan	<ul style="list-style-type: none"> ■ Melaksanakan tugas dan tanggungjawab mengikut ketetapan SOP PKM Pesalah Muda, Pesalah Dewasa dan Kanak-Kanak yang telah dikuatkuasakan.
Pegawai Psikologi	<ul style="list-style-type: none"> ■ Penyediaan Laporan Penaksiran Ujian Psikologi kepada pelatih bagi membantu Pegawai PKM dalam penyediaan Penilaian Awal Kesesuaian Aktiviti pelatih. ■ Kehadiran dalam Konferensi Kes pelanggaran PKM (jika perlu). ■ Penyediaan Laporan Penaksiran Ujian Psikologi kepada pelatih bagi membantu Pegawai PKM dalam penyediaan Laporan Penamatan PKM. ■ Kerjasama dalam program/aktiviti yang dijalankan oleh Bahagian PKM dalam pelaksanaan program di peringkat daerah/negeri/ibu pejabat.

4.

PELAKSANAAN PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT

ELEMEN PELAKSANAAN PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT

Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) adalah berdasarkan kepada tiga elemen iaitu hukuman, pemulihan dan penginsafan. Setiap elemen telah ditetapkan peratus pelaksanaannya mengikut jumlah jam agregat yang dinyatakan di dalam perintah mahkamah. Berikut merupakan penerangan ketiga-tiga elemen terbabit:

ELEMEN PELAKSANAAN	KETERANGAN	PERATUS PELAKSANAAN DARI JUMLAH JAM AGREGAT
Hukuman	Melucutkan masa lapang pelatih dan memberikan suatu tanggungjawab ke atas mereka untuk dilaksanakan. Hukuman yang diberikan hendaklah menyekat kebebasan pelatih dan mengambil kira tanggungjawab bukan keselesaan.	40%
Pemulihan	Merangsang dan memupuk tanggungjawab sosial dan menjadikan khidmat masyarakat sebagai suatu pengajaran berfaedah kepada pelatih.	30%
Penginsafan	Membantu pelatih dalam membina sahsiah diri, akhlak dan perkerti mulia, insaf atas kesalahan lampau serta menawarkan faedah nyata kepada masyarakat.	30%

TERAS AKTIVITI DAN PROGRAM DALAM PELAKSANAAN PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT

Pelaksanaan aktiviti/program berdasarkan teras-teras berikut:

- Kerja Tanpa Bayaran
Aktiviti hukuman yang dilaksanakan oleh pelatih seperti menjalankan kerja-kerja pemuliharaan kawasan/bangunan, pembaikan kecil dan jagaan kepada penghuni institusi JKM tidak melibatkan bayaran atau upah. Walaupun tidak dibayar upah atau gaji, pelaksanaan PKM tidak diklasifikasikan sebagai buruh paksa kerana menurut Perkara 6(3) Perlembagaan Persekutuan sekiranya pengawasan kerja-kerja tersebut dibuat oleh pihak berkuasa awam ianya tidak diklasifikasikan sebagai buruh paksa. Pihak berkuasa awam di sini adalah merujuk kepada Pegawai JKM.
- Pembentukan Modal Insan
Meningkatkan perasaan cintakan negara, disiplin diri dan kelangsungan hidup serta program pembentukan modal insan.
- Pengurusan Pelatih dalam Masyarakat
Program dan aktiviti dalam pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat adalah sumbangan balik pelatih kepada masyarakat (*pay back to the community*) yang dapat memberikan kebaikan dan manfaat kepada masyarakat.

PENGURUSAN KES KERJA SOSIAL DALAM PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT

Dalam pengurusan kes dan pengendalian Pelatih Perintah Khidmat Masyarakat (PKM), kaedah pengurusan kes kerja sosial dipraktiskan sepetimana berikut:

Bil	Proses	Pengurusan Kes Kerja Sosial dalam PKM
1	Penerimaan/Saringan	Pegawai PKM menerima perintah mahkamah dan membuat semakan butiran dalam perintah bagi memastikan butiran mengikut kehendak akta.
2	Penentuan Situasi	Pegawai PKM menjalankan proses pengumpulan maklumat melalui temu bual bersama pelatih, keluarga/penjaga serta melalui Laporan Penaksiran Ujian Psikologi yang disediakan oleh Pegawai Psikologi. Proses ini juga melibatkan penentuan situasi berisiko, penentuan keperluan, kesediaan dan kesesuaian Pelatih PKM dan matlamat pelaksanaan PKM yang hendak dicapai.
3	Perancangan dan Intervensi	Pegawai PKM dengan kerjasama pelatih merancang jadual pelaksanaan aktiviti/program bagi memenuhi elemen hukuman, pemulihan dan penginsafan yang ditetapkan dalam pelaksanaan PKM. Penetapan pelaksanaan PKM juga turut mengambil kira kemahiran dan minat pelatih PKM. Semasa pelaksanaan PKM, teknik penyeliaan kerja sosial turut dipraktikkan oleh Penyelia Lapangan bersama Pelatih PKM. Sebelum pelaksanaan PKM bermula Penyelia Lapangan akan melaksanakan sesi penerangan (<i>briefing</i>) tentang aktiviti yang akan dijalankan. Semasa sesi rehat (<i>recess</i>) pelaksanaan PKM berlangsung Penyelia Lapangan menggunakan pelbagai teknik penyeliaan kerja sosial bersama pelatih seperti teknik penyeliaan menggunakan kaedah penyelesaian masalah atau kaedah S.W.O.T. Kemudian setelah selesai pelaksanaan PKM, Penyelia Lapangan perlu melaksanakan satu sesi rumusan (<i>debriefing</i>) berkenaan keseluruhan aktiviti PKM beserta ulasan ringkas prestasi pelatih.

Bil	Proses	Pengurusan Kes Kerja Sosial dalam PKM
4	Pemantauan dan Penilaian	<p>Penyediaan Laporan Kemajuan Pelatih oleh Pegawai PKM melalui Laporan Kemajuan Pelatih setelah 50% pelaksanaan yang juga berdasarkan Laporan Penyeliaan harian yang disediakan oleh Penyelia Lapangan. Penilaian akhir juga dibuat oleh Penyelia Lapangan melalui Laporan Penilaian Pelaksanaan PKM di akhir pelaksanaan PKM.</p> <p>Penyelaras PKM Negeri bertanggungjawab mencadangkan intervensi kerja sosial bersesuaian kepada Pegawai PKM bagi pelatih yang bekeperluan.</p>
5	Penamatan	<p>Di peringkat pra penamatan pelatih melalui program pemulihan yang menitiberatkan pengintegrasian semula dalam masyarakat seperti program bersama komuniti, kemahiran dan kerjaya.</p> <p>Penyediaan Laporan Penamatan oleh Pegawai PKM di peringkat penamatan hasil dari maklum balas pelatih yang diperolehi melalui Borang Penilaian Pelaksanaan PKM dalam Laporan Penilaian Pelaksanaan PKM dan Laporan Penaksiran Ujian Psikologi yang disediakan oleh Pegawai Psikologi</p>

PROGAM DAN AKTIVITI DALAM PELAKSANAAN PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT

Berdasarkan elemen pelaksanaan dan teras aktiviti dan program pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat (PKM), setiap elemen pelaksanaan PKM dilaksanakan melalui aktiviti/kerja-kerja kemasyarakatan secara individu/berkumpulan dan melalui program berskala kecil dan besar mengikut kesesuaian.

Elemen Pelaksanaan	Aktiviti	Program
Hukuman	<p>Kerja-kerja kemasyarakatan di institusi JKM/Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK)/Pusat Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)/Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)/pusat jagaan/kawasan dan bangunan PBT/komuniti/tempat ibadat/bangunan kerajaan</p> <ul style="list-style-type: none"> ■ Pemuliharaan/ penyelenggaran kawasan ■ Pemuliharaan/selenggara bangunan ■ Pembersihan kawasan ■ Kerja-kerja landskap ■ Pembaikan kecil ■ <i>Housekeeping</i> ■ Penyajian makanan ■ Pengurusan diri penghuni institusi 	<p>Program yang ditetapkan oleh Bahagian PKM di peringkat ibu pejabat/negeri/daerah (tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa/inisiatif baharu)</p> <ul style="list-style-type: none"> ■ Khidmat Bakti ■ Ilmu dan Bakti
Pemulihan	<p>Aktiviti-aktiviti berasaskan pemulihan kepada pelatih seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> ■ Sesi Ceramah/Motivasi ■ Pengurusan Stress ■ Perkongsian kesedaran jenayah ■ Sesi Kaunseling ■ Kelas Kemahiran 	<p>Program yang ditetapkan oleh Bahagian PKM di peringkat ibu pejabat/negeri/daerah (tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa/inisiatif baharu)</p> <ul style="list-style-type: none"> ■ Kem PKM ■ Perkasa Keluarga ■ PKM Beret ■ Skill & Career @CSO

Elemen Pelaksanaan	Aktiviti	Program
Penginsafan	Aktiviti-aktiviti berasaskan penginsafan kepada pelatih seperti: <ul style="list-style-type: none"> ■ Ceramah keagamaan ■ Sesi Kaunseling 	Program yang ditetapkan oleh Bahagian PKM di peringkat ibu pejabat/negeri/daerah (tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa inisiatif baharu) <ul style="list-style-type: none"> ■ Ilmu dan Bakti ■ Kem PKM

PENOLAKAN JAM AGREGAT DALAM PELAKSANAAN PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT

Aktiviti Harian	Maksimum sebanyak 8 jam sehari tidak termasuk rehat.
Kem atau Program	Maksimum 12 jam sehari, tidak termasuk rehat.

TATACARA PELAKSANAAN PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT

Tatacara pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) adalah berdasarkan Prosedur Operasi Standard PKM bagi Pesalah Muda, Pesalah Dewasa dan Kanak-kanak yang telah dikuatkuasakan. Peranan dan tanggungjawab pegawai bagi pelaksanaan PKM telah ditetapkan mengikut prosedur.

PROSEDUR 1 : PENERIMAAN PERINTAH MAHKAMAH

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	CATATAN
1	Penerimaan salinan perintah mahkamah bagi pelaksanaan PKM dari mahkamah/penjara/pelatih (bagi pelatih kategori Pesalah Muda dan Pesalah Dewasa) atau Pegawai Akhlak (bagi pelatih kategori kanak-kanak).	Pegawai PKM	
2	Membuat semakan salinan perintah mahkamah: <ul style="list-style-type: none"> i) Kesalahan editorial - rujuk mahkamah dengan kadar segera ii) Khilaf undang-undang pemakluman segera kepada TPR supaya semakan di Mahkamah Tinggi dan permohonan perintah penggantungan pelaksanaan PKM dapat dilaksanakan. iii) Tidak pasti khilaf atau tidak, pemakluman segera kepada PUU JKM. 	Pegawai PKM	<p>Bagi pelatih kanak-kanak kekhilafan butiran atau undang-undang perlu dirujuk kepada Pegawai Akhlak bagi tindakan pembetulan.</p> <p>Pelaksanaan PKM perlu diteruskan sepatimana perintah mahkamah walaupun terdapat kekhilafan undang-undang sehingga terdapat keputusan semakan bagi kekhilafan tersebut.</p>

PROSEDUR 1 : PENERIMAAN PERINTAH MAHKAMAH

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	CATATAN
3	Penetapan tempat/daerah pelaksanaan PKM berdasarkan perintah mahkamah. Jika tiada penetapan tempat/daerah pelaksanaan, PKM boleh dilaksanakan mengikut kesesuaian dan keperluan pelatih. Jika perlu dilaksanakan di daerah lain, perlu dimaklumkan secara bersurat kepada PKMD berkenaan.	Pegawai PKM	Bagi pelatih kanak-kanak segala perubahan tempat pelaksanaan PKM perlu di bawa ke mahkamah oleh Pegawai Akhlak.
4	Menghubungi pelatih/ibu bapa/penjaga bagi penyediaan Maklumat Pelatih (kes Pesalah Muda jatuh perintah tanpa LSPM dan kes Pesalah Dewasa) dan Penilaian Awal Kesesuaian Aktiviti.	Pegawai PKM	Bagi pelatih Pesalah Dewasa hanya melibatkan pelatih sahaja, libatkan ibu bapa/penjaga jika perlu.
5	Penyediaan Jadual Perancangan Aktiviti/Program berdasarkan Laporan Penilaian Kesesuaian Aktiviti.	Pegawai PKM	
6	Permohonan pelaksanaan PKM kepada ketua institusi/tempat pelaksanaan yang telah dikenal pasti.	Pegawai PKM	

PROSEDUR 2 : PELAKSANAAN PKM

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	CATATAN
1	Lapor kehadiran pelatih kepada Penyelaras Penempatan di tempat pelaksanaan.	Penyelia Lapangan	
2	<p>Pelaksanaan tindakan bagi ketidakhadiran pelatih:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menerima dan merekod dokumen sokongan ketidakhadiran. ii. Mengambil tindakan di bawah prosedur 3 - pelanggaran bagi ketidakhadiran tanpa sebab. iii. Memaklumkan kepada Pegawai PKM ketidakhadiran atas sebab hukuman pemerintahan, penahanan di institusi atas kesalahan lampau sehingga tamat tempoh PKM. Pegawai PKM perlu memaklumkan kepada Pegawai Akhlak untuk tindakan pemakluman kepada mahkamah. <p>Melapor status kes kepada pihak mahkamah dan membuat penamatan kes.</p>	<p>Penyelia Lapangan</p> <p>Pegawai PKM</p>	<p>Bagi pelatih kanak-kanak bagi ketidakhadiran atas sebab hukuman pemerintahan, penahanan di institusi atas kesalahan lampau sehingga tamat tempoh PKM. Pegawai PKM perlu memaklumkan kepada Pegawai Akhlak untuk tindakan pemakluman kepada mahkamah.</p>

PROSEDUR 2 : PELAKSANAAN PKM

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	CATATAN
3	Pengemaskinian dan perubahan Jadual Pelaksanaan Aktiviti/ Program PKM seiring dengan perubahan Jadual Pelaksanaan.	Pegawai PKM	
4	Penerangan dan taklimat berkaitan skop aktiviti/tugasan dan peraturan-peraturan di tempat pelaksanaan kepada pelatih.	Penyelaras Penempatan	
5	Penerangan dan taklimat berkaitan Arahan-Arahan PKM bagi pematuhan oleh pelatih. Teguran lisan dan pemeriksaan beg terhadap pelatih.	Penyelia Lapangan	
6	Pelaksanaan tindakan di bawah Prosedur 3 - pelanggaran bagi pelatih yang tidak mematuhi Arahan-Arahan PKM.	Penyelia Lapangan	
7	Penyeliaan pelaksanaan PKM peringkat sebelum (<i>briefing</i>), semasa (<i>recess</i>) dan selepas (<i>debriefing</i>).	Penyelia Lapangan	Antara teknik penyeliaan yang boleh dipraktikkan adalah seperti kaedah penyelesaian masalah, kaedah S.W.O.T dan komunikasi asertif dan terapeutik.

PROSEDUR 2 : PELAKSANAAN PKM

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	CATATAN
8	Penyediaan Laporan Penyeliaan Harian setiap kali selesai aktiviti/program.	Penyelia Lapangan	
9	Penyediaan Laporan Kemajuan Pelatih setelah pelaksanaan PKM mencapai 50% pelaksanaan.	Pegawai PKM	Laporan Kemajuan ini digunakan bagi mengenal pasti masalah/konflik yang dihadapi oleh pelatih supaya matlamat pemulihan dalam komuniti dapat dicapai secara maksimum.

PROSEDUR 3 : PELANGGARAN PKM

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	CATATAN
1	<p>Tindakan awal pelanggaran bagi ketidakhadiran:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menghubungi pelatih dan keluarga – tiga kali ii. Menghantar surat peringatan (surat berdaftar) - dua kali iii. Membuat lawatan ke rumah - satu kali. 	Penyelia Lapangan	

PROSEDUR 3 : PELANGGARAN PKM

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	CATATAN
2	Tindakan awal pelanggaran bagi ingkar Arahan-Arahan PKM iaitu amaran lisan - tidak lebih tiga kali (catat dalam Laporan Harian).	Penyelia Lapangan	
3	Pemakluman kepada Pegawai PKM terdapat pelanggaran ketidakhadiran dan ingkar Arahan-Arahan PKM.	Penyelia Lapangan	
4	Pemakluman tindakan pelanggaran kepada PKMD melalui memo. Seterusnya mengarahkan Penyelia Lapangan mengambil tindakan pelanggaran.	Pegawai PKM	Bagi pelatih kanak-kanak pelanggaran melibatkan dadah dan objek tajam, Pegawai PKM membuat pemakluman segera kepada Pegawai Akhlak.
5	Menjalankan arahan Pegawai PKM tindakan bagi pelanggaran: <ol style="list-style-type: none"> Melengkapkan Aduan Pelanggaran PKM Membuat Laporan Polis Seterusnya menyerahkan kepada Pegawai PKM.	Penyelia Lapangan	

PROSEDUR 3 : PELANGGARAN PKM

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	CATATAN
6	Penyediaan Laporan Siasatan Pelanggaran PKM.	Pegawai PKM	Bagi pelatih kanak-kanak, Pegawai PKM akan menyerahkan Laporan Siasatan kepada Pegawai Akhlak untuk tindakan selanjutnya.
7	Mengadakan Konferensi Kes dengan penglibatan Penyelia Lapangan, PKMD, Penyelaras PKM Negeri dan PPsi (jika perlu).	Pegawai PKM	Bagi pelatih kanak-kanak, tindakan diambil oleh Pegawai Akhlak.
8	Tindakan selepas konferensi kes: <ol style="list-style-type: none"> Tiada pelanggaran - penerusan pelaksanaan PKM. Berlakunya pelanggaran - penyediaan Laporan Pelanggaran dan membuat pemakluman secara bersurat kepada mahkamah dengan dokumen lengkap berikut: <ol style="list-style-type: none"> Perintah Mahkamah Arahan-Arahan PKM Jadual Pelaksanaan Laporan Polis Aduan Pelanggaran Laporan Siasatan Laporan Pelanggaran 	Pegawai PKM	Bagi pelatih kanak-kanak, tindakan diambil oleh Pegawai Akhlak.

PROSEDUR 3 : PELANGGARAN PKM

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	CATATAN
9	<p>Tindakan selepas menerima keputusan mahkamah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Keputusan meneruskan PKM - tindakan pelaksanaan PKM. ii. Keputusan mengikut peruntukan undang-undang sedia ada - minitkan keputusan dan tutup fail kes. iii. Tiada maklum balas dari mahkamah sehingga tamat tempoh perintah, minitkan dan tutup fail kes. 	Pegawai PKM	Bagi pelatih kanak-kanak, tindakan Pegawai PKM adalah selepas menerima keputusan mahkamah dari Pegawai Akhlak.
10	Pemakluman keputusan kes dimajukan kepada Penyelaras PKM Negeri.	Pegawai PKM	

PROSEDUR 4 : PERPINDAHAN PELAKSANAAN PKM

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	CATATAN
1	Membuat semakan permohonan bertulis perpindahan pelaksanaan PKM daripada pelatih, sama ada tempat pelaksanaan ditetapkan oleh mahkamah atau sebaliknya.	Pegawai PKM	Bagi pelatih kanak-kanak permohonan perpindahan diurus oleh Pegawai Akhlak. Pegawai PKM membuat pemakluman kepada Pegawai Akhlak.
2	Pemakluman secara bersurat perpindahan pelaksanaan kepada Pegawai PKM daerah baharu dengan salinan surat kepada pelatih dan Penyelaras PKM Negeri jika tiada penetapan tempat pelaksanaan oleh mahkamah.	Pegawai PKM	Bagi pelatih kanak-kanak urusan pemakluman perpindahan pelaksanaan PKM oleh Pegawai Akhlak.
3	Pemakluman kepada pelatih untuk membuat permohonan perpindahan kepada mahkamah, jika tempat pelaksanaan telah ditetapkan dalam perintah.	Pegawai PKM	Bagi pelatih kanak-kanak urusan permohonan kepada mahkamah oleh Pegawai Akhlak

PROSEDUR 4 : PERPINDAHAN PELAKSANAAN PKM

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	CATATAN
4	<p>Tindakan berdasarkan keputusan mahkamah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mahkamah tidak bersetuju - meneruskan pelaksanaan PKM. ii. Mahkamah bersetuju - pemakluman secara bersurat kepada Pegawai PKM daerah baharu dengan salinan surat kepada pelatih dan Penyelaras PKM Negeri. 	Pegawai PKM	Bagi pelatih kanak-kanak, Pegawai PKM menerima keputusan mahkamah dari Pegawai Akhlak.
5	<p>Penerimaan/akui penerimaan pemakluman perpindahan pelaksanaan PKM dari daerah asal dan meneruskan pelaksanaan PKM berdasarkan baki jam agregat dan tempoh pelaksanaannya.</p>	Pegawai PKM daerah baharu	Bagi pelatih kanak-kanak Pegawai PKM daerah baharu menerima pemakluman dari Pegawai Akhlak daerah baharu.

PROSEDUR 5 : PENAMATAN PKM

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	CATATAN
1	Penyerahan Borang Penilaian Pelaksanaan PKM dan Borang Ujian Psikologi (diselaras oleh PPsi) kepada pelatih untuk dilengkапkan.	Penyelia Lapangan	
2	Penyediaan Laporan Penilaian Pelaksanaan PKM dan hantar kepada Pegawai PKM berserta borang Ujian Psikologi dan borang Penilaian Pelaksanaan PKM.	Penyelia Lapangan	
3	Penyerahan borang Ujian Psikologi kepada PPsi.	Pegawai PKM	
4	Penerimaan Laporan Penaksiran Ujian Psikologi dari PPsi.	Pegawai PKM	
5	Penyediaan Laporan Penamatan Pelaksanaan PKM.	Pegawai PKM	
6	Pemakluman secara bersurat Penamatan kepada pihak mahkamah dan salinkan kepada PKMN serta daftar penamatan.	Pegawai PKM	

PROSEDUR 5 : PENAMATAN PKM

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	CATATAN
7	<p>Pemakluman secara bersurat kepada Penyelaras PKM Negeri berserta dokumen lengkap berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Laporan Penamatan Pelaksanaan PKM. ii. Laporan Penilaian Pelaksanaan PKM. iii. Borang Penilaian Pelaksanaan PKM. 	Pegawai PKM	
8	Penerimaan pemakluman penamatan, daftar penamatan dan penyediaan Laporan Analisa Penamatan kes.	Penyelaras PKM Negeri	
9	Penghantaran Laporan Analisa Penamatan Kes setiap suku tahun kepada Pengarah Bahagian PKM.	Penyelaras PKM Negeri	

5.

PENUTUP

Manual Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) memperjelaskan tujuan dan matlamat pelaksanaan PKM, punca kuasa perundangan, peranan dan tanggungjawab setiap pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam pelaksanaan PKM. Aspek pelaksanaannya juga diperjelaskan yang melalui perincian berkaitan elemen pelaksanaan, teras bagi aktiviti dan program, penetapan peratus pengiraan jam agregat dan penjelasan berkaitan aktiviti dan program adalah mengikut elemen pelaksanaan serta tatacara pelaksanaannya.

Melalui penyediaan manual ini, adalah diharapkan pelaksanaan PKM dapat dilaksanakan secara lebih berkesan mencapai matlamat dan objektif yang ditetapkan demi manfaat dan kepentingan terbaik kepada Pelatih PKM seterusnya dapat mewujudkan kesejahteraan masyarakat dan pembangunan sosial negara yang lebih mampan.

Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat



JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
ARAS 6,9-18, NO. 55, PERSIARAN PERDANA,
PRESINT 4, 62100 PUTRAJAYA
TEL: 03-8323 1656 / 03-8323 1658 | FAKS: 03-8323 2094



JKMHQ



JKMHQ



jkmhq

www.jkm.gov.my

